

Impak Fasiliti Sekolah Sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS): Kajian Kes di Sekolah-Sekolah Terpilih di Daerah Batu Pahat, Johor

Impact of School Facilities as Temporary Evacuation Centres (TEC): A Case Study in Selected Schools in Batu Pahat District, Johor

Amni Amirah Abd. Ashib¹, Indera Syahrul Mat Radzuan^{2*}

¹ Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: syahrul@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2024.05.01.122>

Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2024

Diterima: 30 April 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

Kata Kunci

Pengurusan Fasiliti, Banjir, Pusat Pemindahan Sementara, Sekolah, Batu Pahat,

Abstrak

Isu kerosakan fasiliti sekolah setelah dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) angkara banjir telah mengganggu sistem pendidikan negara. Penyalahgunaan kemudahan sekolah dan isu kebersihan adalah antara faktor yang menyumbang kepada kerosakan harta benda di sekolah. Hal ini telah menimbulkan banyak persoalan mengapa sekolah yang dijadikan PPS menjadi punca fasiliti sekolah terjejas. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti kesan fasiliti sekolah sebagai PPS serta mengkaji persediaan dan cabaran pihak sekolah ketika dijadikan PPS. Mengetahui kerosakan yang berlaku terhadap fasiliti sekolah adalah langkah pertama bagi mengelakkan kecelakaan. Bagi mencapai objektif kajian, metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu melalui temubual. Maklumat yang diperolehi daripada temubual dianalisis menggunakan teknik analisis bertema dengan disokong oleh data sekunder. Hasil kajian telah dapat menjawab persoalan tentang kesan-kesan fasiliti sekolah setelah dijadikan PPS.

Keywords

Facilities Management, Flood, Temporary Evacuation Center, School, Batu Pahat

Abstract

The issue of damaged school facilities after being used as Temporary Evacuation Centers (TEC) due to floods has disrupted the education system in the country. Misuse of school facilities and cleanliness issues are among the factors contributing to the damage of school property. This has raised many questions as to why schools that were used as TEC became deteriorating. This study is conducted to identify the impacts on school facilities, buildings, and assets after being used as TEC as well as to examine the preparation and challenges faced by schools when serving as TEC. Understanding the damage that occurs to school facilities is the first step in preventing accidents. To achieve the

research objective, a qualitative research method was implemented, involving interviews with school administrators. The information obtained from the interviews and observations were analyzed using content analysis with support from secondary data sources. The outcome of this study has triggered questions about the impacts of school facilities after turning into TEC.

1. Pengenalan

Di Malaysia, sekolah merupakan pilihan utama oleh kerajaan untuk dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Hal ini demikian kerana sekolah mempunyai fasiliti yang lengkap seperti tandas, sanitari, dewan yang lapang dan sumber air bersih, dianggap sebagai kawasan yang selamat bagi kanak-kanak atau "child friendly space" serta mempunyai asrama yang selesa. Menurut Lacerna *et al.* (2023), sekolah menyediakan tempat perlindungan sementara kepada mereka yang tinggal di kawasan berisiko tinggi seperti banjir dan ribut. Menurut APCSS (2017), sekolah direka bentuk dan dibina sebagai bangunan yang berdaya tahan dari impak bencana dengan menitikberatkan struktur pembinaan. Namun setelah sekolah dijadikan PPS, pemerhatian menunjukkan beberapa kesan negatif seperti kerosakan dan kemusnahan harta benda sekolah serta pendidikan yang terganggu.

1.1 Latar Belakang Kajian

Banjir merupakan fenomena bencana alam yang saban tahun dihadapi oleh rakyat Malaysia. Oleh hal yang demikian, PPS adalah penting sebagai tempat perlindungan sementara menunggu bencana reda. Namun sekolah yang dijadikan PPS dilihat telah banyak mengundang kepada kesan buruk iaitu kepincangan terhadap pendidikan dan kerosakan fasiliti sekolah yang mengakibatkan prestasi sekolah merundum. Hal ini diakui oleh Luna *et al.* (2008), yang menyatakan penggunaan sekolah sebagai tempat perlindungan kecemasan dalam jangka panjang, serta hub pengagihan bantuan, telah dikritik kerana berpotensi memberi kesan negatif terhadap pendidikan dan pekerjaan.

1.2 Pernyataan Masalah

Adalah perkara biasa untuk premis-premis dan bangunan awam digunakan untuk berteduh sehingga keadaan kembali selamat. Tempat perlindungan adalah perlu untuk kelangsungan hidup dan penting sebagai tempat berteduh. Namun pemilihan sekolah oleh pihak pengurusan bencana untuk dijadikan sebagai PPS perlu diteliti dan membuat perancangan yang teratur. Menurut Shaw *et al.* (2012), sekolah adalah penting sebagai institusi pendidikan serta tempat berkumpul/hub komuniti terutamanya sekolah jenis kebangsaan rendah yang sering dijadikan tempat berkumpul bagi melakukan aktiviti kemasyarakatan. Perkara ini menunjukkan sekolah direka khas mempunyai ciri keselamatan yang baik kerana merupakan tempat yang selamat bagi menjalankan aktiviti yang melibatkan komuniti setempat.

1.3 Persoalan Kajian

- (i) Apakah kesan kepada fasiliti dan harta benda sekolah setelah dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS)?
- (ii) Apakah persediaan dan cabaran yang dihadapi pihak sekolah sebagai PPS banjir?

1.4 Objektif Kajian

- (i) Mengenal pasti kesan kepada fasiliti dan harta benda sekolah setelah dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS).
- (ii) Mengkaji persediaan dan cabaran yang dihadapi pihak sekolah sebagai PPS.

1.5 Skop Kajian

Kajian dijalankan di tiga (3) buah sekolah di dalam daerah Batu Pahat iaitu Sekolah Kebangsaan Pintas Puding (sePINTAS), Sekolah Kebangsaan Parit Bilal (SKPB) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Yong Peng (SMKYP). Ketiga-tiga sekolah ini merupakan sekolah yang telah menjadi PPS setiap kali banjir berlaku. Secara amnya, pihak sekolah sudah berpengalaman dalam menangani isu banjir dan segala jenis prosedur untuk dijadikan Pusat Pemindahan Sementara.

1.6 Kepentingan Kajian

(a) Sekolah

Kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada sekolah lain yang bukan sahaja di kawasan Batu Pahat malah di kawasan lain juga. Hal ini kerana, pengetahuan dan input yang diperolehi dalam kajian ini dapat membuat penambahbaikan terhadap sekolah yang sering dijadikan Pusat Pemindahan Sementara.

(b) Pengkaji akan datang

Kajian ini terbuka kepada pengkaji akan datang yang ingin membuat pembacaan atau rujukan tentang impak terhadap fasiliti sekolah sebagai Pusat Pemindahan Sementara. Segala maklumat yang diperolehi dalam kajian ini adalah daripada sumber yang sahih.

(c) Pihak kerajaan

Kajian ini dapat dijadikan sebagai maklumat yang berguna kepada kerajaan tentang maklum balas pihak yang terlibat terhadap sekolah yang dijadikan Pusat Pemindahan Sementara. Perkara ini dapat meningkatkan mutu kerajaan dalam memperkukuh polisi berkenaan sekolah dijadikan PPS agar kebarangkalian fasiliti sekolah terjejas dapat dikurangkan.

2. Kajian Literatur

Bahagian ini membincangkan dengan lebih mendalam terhadap impak kepada fasiliti sekolah setelah dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Antara perbincangan dalam bab ini ialah penglibatan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN), persoalan mengapa sekolah lazim dijadikan Pusat Pemindahan Sementara dan kesan sekolah dijadikan PPS dari sudut fasiliti.

2.1 Penglibatan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN)

Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN), atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *National Disaster Management Agency* (NADMA), adalah sebuah badan atau lembaga yang bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan dan mengelola upaya pengurusan bencana di peringkat nasional. Tugas utama APBN adalah melindungi dan menyelamatkan nyawa serta harta benda masyarakat dari bencana alam atau bencana buatan manusia. Agensi ini bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan pencegahan, persiapan, dan pemulihan pasca-bencana. Tujuannya adalah untuk mengurangkan risiko bencana, meningkatkan ketahanan masyarakat, dan meminimumkan impak negatif yang disebabkan oleh bencana. Beberapa fungsi dan tanggungjawab Agensi Pengurusan Bencana Negara ialah dari segi kebajikan, APBN terlibat dalam penyusunan strategi pengurusan bencana. Mereka bekerjasama dengan berbagai pihak berkait, seperti kerajaan, lembaga penelitian dan organisasi masyarakat untuk mengembangkan kerangka kerja yang efektif dalam menghadapi bencana.

2.2 Pelan Tindakan Sekolah Menghadapi Banjir

Modul Pelan Tindakan Sekolah (PTS) ini diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia rentetan daripada musibah banjir yang menimpa Sekolah Kebangsaan Padang Mengkuang, 21400 Marang, Terengganu. Modul ini diterbitkan agar dapat memberikan kesedaran perlunya persediaan dan pengetahuan sekolah menghadapi bencana banjir.

Antara objektif yang ingin dicapai oleh modul ini ialah:

- (i) Untuk memberi pengetahuan kepada guru mengenai banjir
- (ii) Untuk memberi panduan dan rujukan bertindak kepada guru.
- (iii) Untuk memastikan guru bersedia menghadapi banjir dari segi fizikal, mental dan emosi.

2.3 Kesan Sekolah Dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

Menurut APCSS (2017) terdapat pemerhatian dari beberapa negara rantau Pasifik menunjukkan impak negatif seperti kerosakan dan kemusnahan harta benda sekolah serta gangguan dalam pendidikan. Walaupun menggunakan sekolah sedia ada dilihat sebagai penyelesaian yang jelas untuk keperluan perlindungan sementara, namun jika tidak berhati-hati dan tiada perancangan awal, ia boleh membawa kesan buruk dari aspek: keselamatan dan kesejahteraan fizikal kanak-kanak, hak pendidikan, dan untuk melindungi pelaburan sektor pendidikan. Jika sekolah hendak digunakan sebagai tempat perlindungan sementara, perancangan

khusus dan efektif adalah penting untuk diadaptasi.

3. Metodologi Kajian

3.1 Rekabentuk Kajian

Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Instrumen kajian menggunakan temubual sebagai instrumen utama. Data sekunder diperoleh melalui jurnal, laman web, buku rujukan dan kajian lepas turut digunakan untuk mendapatkan maklumat terperinci bagi mencapai objektif kajian. Kaedah temubual dengan pihak sekolah dapat memberi peluang kepada mereka untuk menjawab soalan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman pihak sekolah itu sendiri.

3.2 Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur yang mensasarkan kepada tiga orang responden yang masing-masing merupakan pentadbir sekolah. Temubual dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkenaan fasiliti sekolah yang terjejas serta cabaran sekolah ketika dijadikan PPS dari setiap peringkat. Sesi temu bual dilaksanakan secara bersemuka selama 30-45 minit bagi setiap responden di sekolah masing-masing. Untuk mendapatkan data yang dikehendaki, soalan temubual dibahagikan kepada 5 bahagian seperti di Jadual 1. Responden kajian ini terdiri daripada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pintar Puding (sePINTAS), Guru Besar Sekolah Kebangsaan Parit Bilal (SKPB) dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Yong Peng (SMKYP). Semua sekolah ini terletak di daerah Batu Pahat.

Jadual 1 Instrumen soalan temubual

Bahagian	Skop soalan temubual
Bahagian A	Butiran demografi responden
Bahagian B	Persediaan dan cabaran yang dihadapi sekolah untuk dijadikan PPS
Bahagian B(a)	Rancangan bersama komuniti setempat
Bahagian B(b)	Perancangan kontingensi
Bahagian B(c)	Pemilihan dan pemantauan sekolah sebagai PPS
Bahagian B(d)	Mengembalikan sekolah kepada kegunaan asal
Bahagian B(e)	Menguruskan sekolah sebagai PPS


3.3 Analisis Data

Kajian ini menggunakan kaedah analisis rangkaian tematik (thematic network analysis) dari Attride-stirling (2001). Data yang telah disalin dianalisis dan disusun mengikut tema iaitu tema utama, sub-tema dan sub-tema kecil. Perincian kaedah analisis ini disusun mengikut tema seperti yang diilustrasi di Jadual 2.

Jadual 2 Susunan analisis tematik (Attride-stirling, 2001)

Tema utama	Sub-tema (ST)	Sub-tema kecil (STK)
Impak fasiliti sekolah sebagai PPS	ST1: Rancangan bersama komuniti setempat	STK1: Dijana dari data temubual STK2: Dijana dari data temubual ...dan seterusnya
	ST2: Perancangan kontingensi	STK1: Dijana dari data temubual STK2: Dijana dari data temubual ...dan seterusnya
	ST3: Pemilihan dan pemantauan sekolah sebagai PPS	STK1: Dijana dari data temubual STK2: Dijana dari data temubual ...dan seterusnya
	ST4: Mengembalikan sekolah kepada kegunaan asal	STK1: Dijana dari data temubual STK2: Dijana dari data temubual ...dan seterusnya
	ST5: Menguruskan sekolah sebagai PPS	STK1: Dijana dari data temubual STK2: Dijana dari data temubual ...dan seterusnya

Data yang telah dianalisis, disusun dan dipetakan seperti di Rajah 1 agar lebih mudah difahami.



Rajah 1 Contoh pemetaan analisa tematik (Attride-stirling, 2001)

Sub tema kecil yang telah dikenalpasti disusun mengikut sub-tema yang telah ditetapkan. Proses ini juga dikenali sebagai proses pengekodan (*coding*). Jika terdapat sub tema kecil baharu yang dijana dari data yang diperolehi dari kerja lapangan (temubual) tetapi tidak mewakili mana-mana sub-tema sedia ada yang telah dikenalpasti dari kajian lepas, maka sub-tema baharu akan diwujudkan.

4. Keputusan dan Perbincangan

4.1 Latar Belakang Kawasan Kajian

Tiga sekolah di dalam daerah Batu Pahat telah dijadikan kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat berkenaan sekolah yang dijadikan PPS. Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan Pintas Puding (sePINTAS), Sekolah Kebangsaan Parit Bilal (SKPB) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Yong Peng (SMKYP).

4.2 Mengenalpasti Kesan Fasiliti dan Harta Benda sePINTAS, SKPB dan SMKYP Setelah Dijadikan PPS

(a) Tandas

Apabila sekolah digunakan sebagai pusat pemindahan, kesan terhadap kemudahan tandas amat ketara, terutamanya dari segi kebersihan dan potensi kehilangan peralatan. Penggunaan tandas yang meningkat oleh penghuni PPS memberi tekanan kepada jadual penyelenggaraan dan pembersihan tandas sekolah secara berkala. Perkara ini diperakui oleh responden 2 daripada SKPB yang mengatakan, kebersihan tandas menjadi isu utama semasa sekolah menjadi PPS. Jumlah penghuni PPS yang ramai dan datang dari pelbagai latar belakang umur, agama, pendidikan dan status pekerjaan menyebabkan tandas mudah kotor dan sering tersumbat. Walaupun jadual membersihkan tandas dipatuhi oleh kontraktor kebersihan, namun bilangan tandas yang terhad diikuti penghuni PPS yang ramai telah mengakibatkan kebersihan tandas terjejas. Antara fasiliti tandas sekolah yang sering rosak setelah dijadikan PPS ialah pam tandas rosak, kepala paip yang hilang serta getah paip yang hilang. Isu kebersihan tandas yang tidak dijaga juga disokong oleh responden 1 dari sePINTAS.

Menurut responden ketiga dari SMKYP, isu utama tandas yang dihadapi semasa SMKYP dijadikan PPS ialah masalah bekalan air tidak mencukupi. Punca yang sama ialah jumlah pengungsi PPS yang ramai telah mencapai had maksimum penggunaan air dan tangki di sekolah tidak dapat menampung penggunaan air yang tinggi pada satu-satu masa. Namun, pihak Syarikat Air Johor sedia memberikan bantuan secepat mungkin dengan menghantar bekalan air kepada mangsa banjir yang menghuni di PPS SMKYP.

(b) Suis Kipas dan Lampu

Selain cabaran tandas kotor dan rosak, suis lampu dan kipas yang tidak berfungsi selepas sekolah dijadikan PPS juga adalah antara kerosakan fasiliti yang terjadi di sePINTAS, SKPB dan SMKYP. Kerosakan fizikal pada suis berlaku kerana kipas dan lampu berfungsi dengan baik namun mekanisme kawalan kipas dan lampu tidak berfungsi atau rosak. Suis kipas dan lampu yang rosak ini berpunca daripada bilangan pengungsi PPS yang ramai sering membuka dan menutup suis lampu dan kipas hingga menyebabkan kelonggaran bahagian dalaman suis elektrik. Suis kipas yang mengawal kelajuan kipas juga rosak lalu menghalang keupayaan pengguna untuk mengendalikan kipas seperti yang dikehendaki.

Untuk mengendalikan kerosakan ini, ketiga-tiga sekolah mengupah tukang elektrik untuk membaiki suis elektrik yang rosak selain tukang elektrik ini membuat pemeriksaan keselamatan setiap bilik elektrik supaya berada dalam keadaan yang baik.

(c) Pintu Rosak


Penggunaan sekolah sebagai pusat pemindahan, terutama apabila melibatkan jumlah penduduk yang besar dalam keadaan kecemasan atau bencana telah menyebabkan kerosakan pintu-pintu di ketiga-tiga sekolah ini. Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca isu ini berlaku iaitu penggunaan pintu berlebihan dan kekangan kapasiti. Pintu-pintu di sePINTAS, SKPB dan SMKYP terdedah kepada penggunaan yang berlebihan, terutamanya terdapat keperluan untuk pintu-pintu tersebut digunakan secara berulang kali sepanjang hari untuk membolehkan pergerakan penghuni PPS yang masuk dan keluar pusat pemindahan. Kapasiti dan daya tahan pintu mungkin melebihi had semasa keadaan normal. Dorongan atau geseran yang kuat semasa orang ramai bergerak masuk dan keluar menyebabkan pintu-pintu mengalami kerosakan struktural atau kopak.

Pintu-pintu yang rosak terutamanya pintu kelas yang dibuka dan ditutup secara berulang kali dalam jangka masa yang singkat secara tidak langsung telah menanggung beban penggunaan berterusan. Kerosakan seperti kehilangan engsel, engsel dan tumbol pintu patah terjadi akibat penggunaan yang berlebihan.

Bagi mengatasi isu ini, sebelum bermulanya sesi persekolahan, para responden telah berhubung dengan juruteknik atau kontraktor untuk membuat penilaian lebih lanjut dan merancang pembaikan. Mereka dapat memberikan pandangan profesional tentang kerosakan dan memberikan cadangan untuk pemulihan. Didapati semua responden merekod kerosakan-kerosakan yang berlaku secara ad-hoc dan perlu dilaporkan kepada pihak PPD dengan cara borang aduan diisi secara dalam talian.

4.3 Persediaan dan Cabaran yang Dihadapi Sekolah Sebagai PPS


Rajah 2 menunjukkan pemetaan kognitif analisa tematik persediaan & cabaran pihak sekolah sebagai PPS. Berdasarkan Rajah 2, sub-tema kecil yang dijana dari data temubual telah membentuk 5 sub-tema yang akhirnya setiap satu telah dikenalpasti membentuk tema utama iaitu persediaan dan cabaran pihak sekolah. Perincian setiap sub-tema kecil, sub-tema dan tema utama yang dipetakan pada rajah 2 dibincangkan seperti berikut.



Rajah 2 Pemetaan kognitif analisa tematik persediaan dan cabaran pihak sekolah sebagai PPS

(i) Sub-Tema 1: Rancangan Bersama Komuniti Setempat

Merujuk Rajah 3, hasil dari analisis data menunjukkan usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk merancang penubuhan PPS bersama komuniti setempat. Perancangan bersama komuniti setempat seperti ketua kampung, imam, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta sukarelawan dari kalangan penghuni PPS adalah penting untuk membantu pihak sekolah untuk menguruskan hal ehwal aktiviti di PPS. Kenyataan ini disokong dari temubual bersama responden-responden yang terlibat.



Rajah 3 Sub-tema 1 – Rancangan bersama komuniti setempat

Menurut responden kedua, warga sekolah menyokong penglibatan daripada komuniti mahupun daripada pihak-pihak dan agensi yang berkewajipan untuk masuk ke sekolah. Agensi ini terdiri daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Bomba serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Semua responden yang merupakan pentadbir sekolah melantik jawatankuasa payung yang terdiri daripada guru-guru di sekolah masing-masing dan melaksanakan menyuarat untuk memberikan taklimat berkenaan PPS.

“Kita melakukan mesyuarat dan beri taklimat kepada guru tentang penghuni PPS ini datang dari mana. Saya bagi taklimat kepada guru kemudian saya beri taklimat kepada pengguna PPS berkenaan tempat makan, penggunaan tandas dan kemudahan untuk riadah” (Temubual, 2023).

Bagi responden ketiga, semua guru adalah terlibat dalam menguruskan PPS tetapi berjadual. 5 orang guru bertugas setiap hari. Dari segi keagamaan, responden kedua melantik imam dan bilal untuk memimpin solat dan azan serta memberi kuliah. Responden pertama pula mengatakan bahawa penghuni PPS yang tidak makan daging, vegeterian atau mempunyai alahan kepada sesetengah makanan akan diuruskan oleh guru-guru bertugas yang dilantik. Pada kebiasaannya, guru bersama komuniti setempat bersama-sama memasak dan menyediakan makanan kepada penghuni PPS.


Dari segi fasiliti untuk Orang Kurang Upaya (OKU), responden kedua berkata pada kebiasaannya pihak JK M akan membantu dalam penyediaan kerusi roda. Pihak sekolah pula menguruskan dan menyediakan bilik di tingkat bawah khas kepada warga OKU.

Rumusan dari Rajah 4 menunjukkan penglibatan komuniti setempat, guru dan agensi luar adalah sama-sama penting untuk bekerjasama bagi menguruskan PPS.

(ii) Sub-Tema 2: Perancangan Kontingensi

Merujuk Rajah 4, hasil dari analisis data menunjukkan usaha sekolah sebagai PPS dari segi perancangan kontingensi adalah penting bagi mengurangkan kerugian, memastikan organisasi tetap berjalan lancar dan adanya perancangan kontingensi ini diperlukan sebagai pemulihan cepat jika menghadapi masalah yang tidak terduga.

“Kita terpaksa angkat dan simpan semua projektor dan smart tv ke bilik berkunci. Kita kluatir salah guna televisyen dan mengundang kerosakan” (Temubual, 2023).



Rajah 4 Sub-tema 2- Perancangan kontingensi

Dari segi penerimaan dana jika aset sekolah rosak, setiap sekolah menggunakan kaedah yang berbeza untuk mendapatkan peruntukan. Bagi responden kedua, sekolahnya menggunakan dana politik. Yang Berhormat akan datang ke sekolah untuk memberikan sumbangan. Bagi responden pertama, sekolahnya memohon peruntukan dari PPD dan pihak PPD akan menguruskan penentuan dana mengikut tahap kerosakan fasiliti di sekolah.

(iii) Sub-Tema 3: Pemilihan dan Pemantauan Sekolah Sebagai PPS

Merujuk Rajah 5, hasil dari analisis data menunjukkan usaha & cabaran sekolah dari segi pemilihan dan pemantauan sekolah sebagai PPS. Pemilihan sekolah sebelum dijadikan PPS adalah penting supaya penghuni PPS dijamin selamat selama mereka menjadi penghuni PPS. Oleh hal yang demikian, tiga ciri-ciri tempat yang selamat untuk dijadikan PPS telah dikenalpasti melalui temubual bersama responden.



Rajah 5 Sub-tema 3-Pemilihan dan pemantauan sekolah sebagai PPS

Responden kedua menyatakan cara mengenalpasti sekolah yang memenuhi standard minimum untuk dijadikan PPS ialah sekolah itu haruslah tidak banjir, bilangan kelas adalah mencukupi dan mempunyai bekalan api dan air. Responden ketiga pula menekankan sesebuah sekolah yang selamat amat penting agar penghuni PPS terhindar dari bahaya.

"Yang penting sekolah itu selamat dari segi pendawaian elektrik, air yang cukup dan kawasan yang selamat." (Temubual,2023)

Responden pertama pula mengulas dari segi kecukupan tandas. Ketika sekolah dijadikan PPS, tandas sedia ada sememangnya tidak mencukupi untuk menampung warga jumlah penghuni PPS yang ramai. Namun pihak SAJ menyalurkan bantuan dengan menghantar beberapa tandas sementara untuk memenuhi keperluan warga PPS.

(iv) Sub-Tema 4: Mengembalikan sekolah kepada kegunaan asal

Merujuk Rajah 6, hasil dari analisis temubual menunjukkan usaha dan cabaran sekolah sebagai PPS dari segi mengembalikan sekolah kepada kegunaan asal. Mengembalikan sekolah seperti sedia kala setelah dijadikan PPS adalah penting bagi memastikan sesi persekolahan berjalan lancar dan murid dapat belajar tanpa merisaukan fasiliti yang tidak lengkap.



Rajah 6 Sub-tema 4- Mengembalikan sekolah kepada kegunaan asal


Para responden merangka garis masa untuk mengembalikan sekolah kepada kegunaan asal. Menurut responden kedua, jika semua penghuni PPS sudah keluar, responden akan memanggil jawatankuasa payung untuk mengadakan mesyuarat. Mereka bergotong-bersama pihak PIBG dibantu oleh APM untuk membantu membersihkan kawasan sekolah. Kebiasaannya 3 hingga 4 orang sahaja anggota APM yang dihantar bersama peralatan khusus untuk membantu bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah.

Jika sekolah masih mempunyai pengguna PPS walaupun sesi persekolahan bakal bermula, responden pertama menyatakan keutamaan diberikan kepada penghuni PPS. Responden memohon untuk sekolah diadakan separuh murid. Mungkin tahun 4,5 dan 6 hadir dan murid tahap 1 dicitikan. Sebolehnya pihak sekolah hendak semua murid hadir namun kekangan yang berlaku dan penggunaan ruang darjah yang masih digunakan sebagai PPS perlu diutamakan. Menurut responden pertama, sekurang-kurangnya satu kelas mesti hadir ke sekolah untuk membuktikan sekolah beroperasi.

Dari segi merekod aset sekolah yang rosak, semua responden merekod aset sekolah yang terjejas kerana maklumat ini akan diminta oleh PPD. Oleh itu, semua responden mengisi borang kerosakan harta benda sekolah dan dihantar kepada PPD secara online.

(v) Sub-Tema 5: Menguruskan sekolah sebagai PPS

Merujuk Rajah 7, hasil dari analisa data menunjukkan usaha dan cabaran sekolah sebagai PPS dari segi pengurusan semasa mengendalikan PPS. Dua perspektif telah dikeluarkan melalui temubual bersama responden. Dari segi aspek keselamatan, unit hal ehwal murid akan memberikan taklimat kepada semua murid berkenaan kawasan larangan dan tempat-tempat yang tidak boleh dimasuki.



Rajah 7 Sub-tema 5- Menguruskan sekolah sebagai PPS

“Untuk memastikan murid menjauhi kawasan larangan kerana kerja-kerja pembaikan, pengawas akan ditugaskan untuk menjaga kawasan larangan tersebut daripada dicerobohi murid lain” (Temubual, 2023).

Menurut responden ketiga, papan tanda arahan juga diletakkan di kawasan yang terlibat tetapi dalam keadaan *ad-hoc* sahaja.

“Untuk papan tanda, kita tulis di kerta A4 dan kertas manila sahaja. Untuk papan tanda permanent, tiada lagi” (Temubual, 2023).

Dari segi aktiviti di PPS, beberapa aktiviti yang dijalankan ialah riadah, senam robik, kuliah dan menonton televisyen.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak sekolah memainkan peranan penting dalam menjawab persoalan mengenai kesan terhadap fasiliti, bangunan dan harta benda sekolah sebagai PPS serta persediaan dan cabaran sekolah dijadikan PPS. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan bahan bacaan untuk pengkaji seterusnya yang turut membuat kajian dalam lapangan yang sama. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang berkepentingan dalam menguruskan PPS. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan kepentingan menjaga fasiliti sekolah agar sentiasa dalam keadaan yang baik.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia di atas segala sokongan yang diberi.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Amni Amirah Abd. Ashib, Indera Syahrul Mat Radzuan; **pengumpulan data:** Amni Amirah Abd. Ashib; **analisis dan interpretasi hasil:** Amni Amirah Abd. Ashib; **penyediaan draf manuskrip:** Amni Amirah Abd. Ashib, Indera Syahrul Mat Radzuan. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

- Abdul Rahman, M. H., Marzuki, M., Ali, A. H., Abd Latiff, A. N., & Mokhtar, S. (2022). The Implementation of Co-Curriculum Activities And Facilities In Darul Iman Islamic Primary School (Sridi) In Achieving Educational Excellence In Terengganu State Schoolstitle. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(45), 18–34. <https://doi.org/10.35631/ijepc.745002>
- APCSS (2017). *Limiting and Planning for Schools as Temporary Evacuation Centres in Emergencies Policy Brief and Practice Guidance for Pacific Nations*. Asia Pacific Coalition for School Safety (APCSS). https://www.preventionweb.net/files/55716_55716stc01439schoolsasevacuationcen.pdf
- Ardales, Jr., G., Espaldon, M. V., Lasco, R., Quimbo, M. A., & Zamora, O. (2017, June 30). Adaptive Capacity Index of Public Schools in the Municipalities of Bay and Los Baños, Laguna, Philippines. *Journal of Environmental Science and Management*, 20(1), 71–87. https://doi.org/10.47125/jesam/2017_1/08
- Attride-Stirling, J. (2001). Thematic networks: an analytic tool for qualitative research. *Qualitative research*, 1(3), 385–405.
- Baik, K. (2021, December 25). Kerja Baik Pulih Sekolah Terjejas Banjir Perlu Disegerakan | Sinar Harian. Retrieved April 30, 2023, from LobservateurDuMaroc website: <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/179847>
- Berita RTM. (2022, December 24). KPM peruntuk RM50 juta baik pulih, selenggara sekolah terjejas banjir. Retrieved April 30, 2023, from Portal Berita RTM website: <https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/53882-kpm-peruntuk-rm50-juta-baik-pulih-selenggara-sekolah-terjejas-banjir>
- Chowdhury, P. (2017). *Combating Urban Hazard: A Qualitative Study of Disaster Preparedness in Dhaka, Bangladesh*. <https://lup.lub.lu.se/luur/download?func=downloadFile&recordId=8918581&fileId=8918582>

- Johnson, V. (2011). *Disaster Preparedness Education in Schools: Recommendations for New Zealand and the United States*. <https://axfordfellowships.org.nz/wp-content/uploads/2021/06/2011-08-Victoria-Johnson-Axford-Fellow-Disaster-Preparedness-Education-in-Schools-Recommendations-for-NZ-and-the-US.pdf>
- Lacerna et al. (2023, February 3). *Why the Philippines needs to stop using schools as evacuation centers – Climate Tracker Asia*. Climate Tracker Asia.
- Limiting and planning for schools as temporary evacuation centres in emergencies Policy Brief and Practice Guidance For Pacific Nations. In support of the Worldwide Initiative for Safe Schools Acknowledgements. (2017). https://www.preventionweb.net/files/55716_55716stc01439schoolsasevacuationcen.pdf
- Luna et al. (2008). One individual, two identities: Frame switching among biculturals. *Journal of Consumer Research*, 35(2), 279–293. <https://doi.org/10.1086/586914>
- Berita RTM. (2022, December 24). KPM peruntuk RM50 juta baik pulih, selenggara sekolah terjejas banjir. Retrieved April 30, 2023, from Portal Berita RTM website: <https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/53882-kpm-peruntuk-rm50-juta-baik-pulih-selenggara-sekolah-terjejas-banjir>
- NADMA. (2023). Portal NADMA. <https://www.nadma.gov.my/ms/korporat/sejarah-penubuhan-nadma>
- Siegfred Aldous Lacerna, & Siegfred Aldous Lacerna. (2023, February 3). *Why the Philippines needs to stop using schools as evacuation centers – Climate Tracker Asia*. Climate Tracker Asia. <https://climatetracker.asia/why-the-philippines-needs-to-stop-using-schools-as-evacuation-centers/>
- Shaw et al. (2012). A systematic review and analysis of long-term outcomes in attention deficit hyperactivity disorder: effects of treatment and non-treatment. *BMC Med.* 2012 Sep 4;10:99.
- Shuhada Abdul Kadir. (2023, March 6). KPM Segerakan Peruntukan Baik Pulih Sekolah Terjejas Banjir - Fadhlina. Retrieved April 30, 2023, from Astroawani.com website: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-segerakan-peruntukan-baik-pulih-sekolah-terjejas-banjir-fadhlina-4094148?amp=>
- Sukeri, M., Prof, K., Abdul, M., Anuar, R., Razani, M., & Jalil, M. (n.d.). *Sistem Pengurusan Bencana Di Malaysia: Kajian Kes Banjir*. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/12118153.pdf>